

BAB 4

PERBINCANGAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang keputusan analisis statistik seperti yang telah dikemukakan dalam bab terdahulu. Pengkaji akan mengenengahkan pengujahan yang mempengaruhi penerimaan dan penolakan hipotesis-hipotesis yang telah diuji. Perbincangan ini dibahagikan kepada beberapa sub bahagian berdasarkan tema hipotesis. Kesemuanya terdapat sebelas hipotesis utama yang diuji dalam kajian ini iaitu perbezaan tahap tekanan kerja mengikut kerjaya, perbezaan tahap tekanan kerja guru mengikut sekolah, perbezaan tahap tekanan kerja polis mengikut Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD), perbezaan tahap tekanan kerja guru mengikut dimensi personaliti, perbezaan tahap tekanan kerja polis mengikut dimensi personaliti, perbezaan tahap tekanan kerja jururawat mengikut dimensi personaliti, perbezaan tahap kemurungan mengikut kerjaya, perbezaan tahap kemurungan mengikut dimensi personaliti, kesan perbezaan tahap tekanan kerja ke atas kemurungan, punca tekanan kerja, dan peramal tekanan kerja.

Dalam mengemukakan hujahan, pengkaji terlebih dahulu akan menyorot dan mengutip penemuan kajian-kajian lepas yang berkaitan sama ada yang dilakukan di dalam atau di luar negara. Seterusnya penemuan-penemuan tersebut akan

diperbandingkan dengan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji berusaha menjelaskan gejala yang dicerap daripada keputusan kajian ini dari aspek psikologi, terutamanya yang melibatkan pembolehubah yang dikaji secara langsung dalam kajian ini. Di samping itu, faktor-faktor lain yang difikirkan berkaitan seperti aspek sosial dan persekitaran, turut dikemukakan.

Tahap tekanan kerja guru, polis, dan jururawat

Kajian ini menggunakan dua alat ukuran tekanan kerja untuk memperoleh data. Alat ukuran tekanan kerja umum digunakan untuk memperbandingkan tahap tekanan kerja di antara ketiga-tiga kerjaya manakala alat ukuran tekanan kerja khusus digunakan untuk mengukur tahap dan punca tekanan kerja bagi setiap kerjaya yang dikaji. Penilaian ke atas tahap tekanan kerja dengan menggunakan kedua-dua alat ukuran tersebut menunjukkan sedikit ketidaksamaan dari segi pola tekanan kerja yang dipamerkan.

Alat ukuran tekanan kerja khusus yang ditinjau dari aspek statistik deskriptif menunjukkan bahawa peratusan subjek guru yang berada dalam kumpulan tahap tekanan kerja tinggi dan sangat tinggi adalah lebih besar berbanding kumpulan polis dan jururawat. Keputusan yang diperoleh menunjukkan 53.5 peratus daripada subjek guru mengalami tahap tekanan kerja tinggi dan sangat tinggi berbanding 40.4 peratus daripada anggota polis dan 25.8 peratus daripada subjek jururawat yang berada dalam kumpulan tahap tekanan kerja tersebut.

Berdasarkan alat ukuran tekanan kerja umum pula, peratusan subjek yang berada dalam kumpulan tahap tekanan kerja tinggi dan sangat tinggi bagi semua kumpulan kerjaya adalah sama ada kurang atau lebih sedikit sahaja daripada sepuluh peratus. Kebanyakan subjek, tanpa mengira kerjaya, mengalami tahap tekanan kerja sederhana. Min markat tekanan kerja umum yang paling tinggi dipamerkan oleh kumpulan jururawat dan diikuti dengan kumpulan subjek guru dan polis. Walau bagaimanapun, perbezaan tahap tekanan kerja umum di antara kerjaya yang berbeza telah dibuktikan tidak signifikan dalam bab terdahulu. Di sini jelas dilihat bahawa pola atau arah tekanan kerja subjek kajian ini tidak sama di antara alat ukuran tekanan kerja umum dan alat ukuran tekanan kerja khusus.

Ketidakwujudan perbezaan tahap tekanan kerja umum mengikut kerjaya telah menyangkal andaian awal pengkaji. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa kajian lepas yang menemukan tahap tekanan kerja sederhana bagi setiap kerjaya yang dikaji dalam kajian ini. Tahap tekanan sederhana bagi kumpulan guru ditemui dalam kajian Fontana dan Abouserie (1993), Mwamwenda et al. (1997), Pierce dan Molloy (1990), Beer dan Beer (1992), Bork dan Riding (1993), Kinnunen et al. (1994), Suseela Malakolunthu (1994), Junaidah Mohd Jamil (1995), dan Seah Kwee Siang (1995). Bagi kumpulan polis pula, keputusan yang sama ditemui oleh Violanti dan Aron (1993 dan 1994), Kirkcaldy et al. (1995), Brown et al. (1996), Burke (1989 dan 1992) dan Samsudin Yaacob (1996). Sebaliknya, ia bertentangan dengan keputusan kajian Kirkcaldy (1993) dan Othman Harun (1997). Bagi sampel jururawat, semua hasil kajian yang disorot dalam kajian ini melaporkan bahawa tekanan kerja jururawat berada pada tahap yang

tinggi seperti yang dilaporkan oleh Orpen (1990 dan 1991), Rees dan Smith (1991), Weng (1991), Rees dan Cooper (1992), dan Mahat (1998).

Keputusan kajian bahawa peratusan subjek guru yang mengalami tahap tekanan kerja tinggi dan sangat tinggi lebih besar berbanding dua kumpulan kerjaya yang lain didapati disokong oleh beberapa pengkaji lepas seperti Siti Rohani Md Sharif (1991), Abu Omar Mos (1996), Tan Huat Chye (1996), dan Rosli Mat Taib (1997). Ia juga selari dengan ulasan kajian oleh Kyriacou (1987) dan Borg (1992).

Keputusan yang dibentangkan di atas, sama ada berdasarkan statistik deskriptif mahu pun statistik inferensi, menunjukkan bahawa wujud tekanan kerja dalam setiap kerjaya yang dikaji. Tekanan kerja kini bukanlah sesuatu yang pelik sebaliknya telah menjadi fenomena yang biasa di kalangan para pekerja. Kenyataan bahawa majoriti subjek mengalami tekanan kerja pada tahap sederhana mungkin ada kaitannya dengan bidang tugas masing-masing yang berbeza.

Guru misalnya, berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan, pengawal tingkah laku pelajar, penilai prestasi pelajar, pelaksana ko-kurikulum dan penyelidik (Noran Fauziah Yaacob dan Ahmad Mahdzan Ayob 1992). Dalam maksud yang lebih luas, selain mengajar ilmu-ilmu akademik, guru juga mengajar tentang etika dan tata susila serta mengawal disiplin pelajar, mengawas peperiksaan, memeriksa pencapaian akademik pelajar, menjalankan gerak kerja bukan akademik untuk pelajar seperti bersukan dan berpersatuan, dan menjaga kebajikan pelajar ketika di sekolah. Tugas guru pastinya berbeza dengan tugas seorang anggota polis yang secara

terasnya bertugas untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman awam, mengekalkan keamanan dan keselamatan Persekutuan, mencegah dan mengintip jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah, dan mengumpul risikan keselamatan (Akta Polis 1967). Sementara itu, jururawat bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan perawatan pesakit, menyelia dan menunjukkan ajar tentang kesihatan, membuat inventori dan penjagaan alat-alat ubatan dan bukan perubatan, melaksanakan program pengawalan jangkitan, dan menentukan pengurusan wad berjalan dengan lancar. Oleh kerana tugas yang dilakukan oleh subjek berbeza di antara satu kerja dengan yang lain, maka jenis serta punca tekanan kerja yang dialami turut berbeza. Walau bagaimanapun, tahap tekanan kerja yang dialami adalah sama iaitu pada tahap yang sederhana.

Satu perkara yang agak menarik untuk diperbincangkan di sini adalah tentang hal lebih ramai guru mengalami tahap tekanan kerja tinggi dan sangat tinggi berbanding bilangan anggota polis berdasarkan alat ukuran tekanan kerja khusus masing-masing. Sekali imbas, difikirkan lebih mudah untuk meramal bahawa polis menghadapi tekanan kerja yang lebih serius berbanding kumpulan guru. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan tugas-tugas anggota polis yang tidak menyeronokkan seperti sentiasa berhadapan dengan bahaya, perlu menjalankan tanggungjawab tanpa tertakluk kepada aturan masa dan keadaan cuaca serta perlu patuh kepada disiplin dan arahan orang atasan walaupun tidak dipersetujui. Tugas seorang guru mungkin dianggap lebih menarik dengan jadual tugas tetap separuh hari iaitu ada pagi atau petang sahaja, cuti semester yang panjang dan telatah anak pelajar yang menghiburkan, dengan mengecualikan pelajar yang tidak berdisiplin dan biadap. Walau bagaimanapun,

keputusan kajian ini tidak menepati ramalan tersebut. Justeru, diyakini bahawa terdapat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi tahap tekanan kerja guru dan polis.

Hal tersebut mungkin boleh dikaitkan dengan soal perpaduan seperti yang diperkenalkan oleh Durkheim (1933) dalam Teori Pembahagian Buruh. Durkheim (1933) menyatakan bahawa terdapat dua jenis perpaduan yang wujud dalam masyarakat iaitu yang pertama, perpaduan mekanikal dan yang kedua, perpaduan organik. Perpaduan mekanikal dikatakan wujud dalam masyarakat yang kecil dan mudah. Mereka hidup bersama-sama dan berkongsi nilai yang dipatuhi secara rutin. Perkongsian nilai ini diperteguhkan dengan upacara amal dan berdasarkan persetujuan bersama. Dalam konteks masyarakat yang kecil seperti ini, perpaduan bergantung kepada tindakan bersama yang diambil oleh ahli masyarakat. Daripada aspek ekonomi, masyarakat yang tergolong dalam kumpulan ini kurang mengamalkan pengkhususan ekonomi. Oleh kerana ruang pilihan yang sempit, maka peranan sosial dan ekonomi yang dimainkan oleh ahli masyarakat adalah sama atau dengan kata lain, pembahagian kerja adalah rendah.

Perpaduan organik pula lazimnya wujud dalam masyarakat yang besar, kompleks dan sekular. Masyarakat yang besar dan berbeza-beza ini disatukan oleh kuasa besar atau utama seperti pemimpin tertentu atau badan politik. Daripada aspek ekonomi, ahli-ahli dalam masyarakat mengamalkan pengkhususan dan memainkan peranan yang berbeza namun wujud saling kebergantungan di antara individu-individu tersebut. Apabila wujud pengkhususan dan hubung kait di antara ahli masyarakat secara tekal, upacara amal dan berdasarkan persetujuan bersama seperti yang

diamalkan dalam masyarakat kecil dan mudah menjadi kurang kritikal. Justeru, sebagai gantinya, kod baru untuk kepimpinan dimajukan dan persetujuan baru diperkenalkan untuk memastikan agar operasi dalam masyarakat berjalan dengan lancar. Perpaduan ahli masyarakat yang berbeza dan saling bergantung seperti ini dinamakan sebagai perpaduan organik. Secara prinsipnya, keperbezaan antara mereka menjadi tarikan untuk bersatu.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa tekanan kerja polis yang lebih rendah berbanding tekanan kerja guru mempunyai kaitan dengan dua jenis perpaduan seperti yang disaran oleh Durkheim (1933) ini. Perpaduan dalam kumpulan polis yang dinilai daripada amalan-amalan dalam bidang kepolisan lebih mirip kepada ciri-ciri perpaduan mekanikal.

Pendapat pengkaji dibuktikan melalui amalan kurangnya pengkhususan dalam tugas-tugas am yang diamalkan oleh setiap pentadbiran IPPD. Tugas-tugas am yang dimaksudkan adalah tugas bit, peronda dan pentadbiran. Tugas bit merujuk kepada perondaan yang dilakukan berpasangan sama ada dengan berjalan kaki atau pun bermotosikal dengan tujuan untuk mencegah kejadian jenayah sementara anggota peronda pula melakukan tugas yang hampir sama dengan anggota tugas bit tetapi dengan menggunakan kereta peronda. Anggota peronda juga menjalankan tugas secara berpasangan. Tugas-tugas pentadbiran adalah seperti perkhidmatan di kaunter hadapan untuk melayani pertanyaan dan mengambil laporan polis daripada pihak awam, menjaga tahanan di dalam lokap, menaip, memfail, dan urusan surat menyurat.

Tugas-tugas am seperti ini dijalankan dengan menggunakan konsep giliran kerja. Misalnya, anggota polis yang menjalankan tugas bit pada empat jam pertama ia bertugas dalam satu hari tertentu, akan bertugas untuk mengawal lokap selama empat jam selepas berehat selama empat jam pada hari yang sama. Dengan kata lain, semua anggota daripada satu IPPD akan berpeluang menjalankan semua tugas yang dilakukan oleh anggota yang sama tahap dengannya apabila dijadualkan oleh penyelia bertugas. Giliran kerja dilakukan, selain untuk mengelakkan rasa bosan lantaran melakukan kerja yang sama dan untuk meningkatkan kecekapan ahli organisasi (Schultz dan Schultz 1994), ia juga bertujuan untuk melahirkan anggota polis yang serba boleh dan mengelakkan salah laku yang mungkin terjadi seperti pengambilan rasuah.

Kurangnya pengkhususan dalam pembahagian kerja-kerja polis sebenarnya telah meningkatkan semangat kerja berpasukan di antara anggota. Apa tah lagi dengan peraturan yang menetapkan bahawa pasangan bertugas mereka akan kerap ditukar ganti. Oleh itu, mereka perlu bekerjasama dengan baik untuk menjamin kelancaran dalam menjalankan tugas dan iklim perhubungan yang menyelesakan. Dengan kata lain, perpaduan anggota polis bergantung kepada tindakan bersama yang mereka ambil dan amalkan. Keakraban di kalangan subjek polis dalam kajian ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada keputusan analisis pemeringkatan punca tekanan kerja dalam PSS. Subjek memeringkat item 'kurang sokongan daripada teman sekerja' pada tangga yang ke-53 daripada keseluruhan 60 item yang disenaraikan. Dengan kata lain, subjek polis mendapat sokongan yang cukup daripada teman sekerja mereka.

Kerja dan tingkah laku anggota polis amat berkait rapat dengan undang-undang dan disiplin pasukan polis. Peraturan dan disiplin merupakan nilai yang mereka kongsi dan dipersetujui bersama ketika menjalankan tugas. Keakraban antara mereka telah diterap semenjak mereka masih dalam latihan lagi seperti yang dipamerkan dalam aktiviti kawad. Semangat berkumpulan mereka juga dibentuk dan dikembangkan semenjak peringkat awal lagi. Sebagai contoh, kesalahan yang dilakukan oleh seorang anggota polis dalam sesebuah kumpulan akan dipertanggungjawabkan ke atas semua ahli kumpulan tersebut. Tindakan seperti ini bertujuan untuk menyemai rasa tanggungjawab sesama ahli dalam kumpulan.

Perpaduan anggota polis juga boleh dilihat di luar tugas polis. Mereka kebanyakannya tinggal di sebuah kawasan perumahan khas untuk anggota polis. Hal ini membolehkan mereka mengamalkan hidup bersama dan berkongsi tugas membangunkan masyarakat dan menjaga kebijikan sesama mereka. Dengan ini, difahami bahawa mereka bukan sahaja menjalin keakraban di dalam tugas malah di luar tugas juga.

Pengkaji berpendapat bahawa perpaduan dalam kumpulan polis yang dirangka sedemikian rupa semenjak awal lagi, mempunyai kaitan dengan bidang tugas kepolisan itu sendiri. Tugas polis sering dikaitkan dengan cabaran dan bahaya. Mereka juga terdedah kepada pelbagai risiko kerana terpaksa berhadapan dengan masalah pihak awam yang rencam. Justeru, selain kekuatan mental, mereka juga memerlukan sokongan rakan sekerja untuk menghadapi masalah-masalah tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa perpaduan yang diasaskan kepada tindakan bersama dan

diterapkan melalui giliran kerja, semangat berpasukan, kawad, dan perhubungan luar kerja yang akrab, menjadi benteng kepada anggota polis daripada mengalami tahap tekanan kerja yang tinggi.

Dari perspektif guru pula, pengkaji berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai semangat berpasukan yang mantap seperti yang dipamerkan oleh pasukan polis. Kumpulan guru dilihat mengamalkan pengkhususan kerja menerusi bidang mata pelajaran yang diajar. Tugas mereka mungkin hampir sama iaitu mengajar dan memegang beberapa tanggungjawab lain dalam sekolah seperti guru persatuan, guru sukan, guru tingkatan dan guru disiplin namun pengkhususan mata pelajaran tidak sama. Misalnya, guru bahasa Melayu tidak mungkin akan dapat mengajar Matematik sebaik guru Matematik dan begitu juga sebaliknya. Dengan kata lain, mereka memainkan peranan yang berbeza. Jika guru Matematik tidak dapat hadir ke sekolah, walaupun guru bahasa Melayu akan mengambil alih tugas mengawas kelas namun, guru bahasa Melayu tersebut tidak akan menyambung pelajaran Matematik. Maknanya, tugas guru Matematik tidak dapat diambil alih oleh guru lain dan akan tertangguh disebabkan ketidakhadirannya. Hal ini tidak mungkin berlaku dalam pasukan polis.

Pengkhususan dalam kerja-kerja guru juga dapat dilihat daripada sikap mereka terhadap pelajar. Guru cenderung untuk merasa bertanggungjawab dan mengambil berat tentang pelajar-pelajar yang diajarnya sahaja. Misalnya, selain daripada pihak pentadbir sekolah dan guru disiplin, guru-guru lain lazimnya tidak campur tangan dalam urusan disiplin pelajar kecualialah jika kes salah laku ditimbulkan oleh pelajar kelasnya

sendiri. Kurang kerjasama di kalangan guru seperti ini disebabkan oleh perpaduan yang kurang kukuh. Hal ini boleh mempengaruhi tahap tekanan kerja kumpulan polis.

Ahli dalam kumpulan guru saling memerlukan dan saling bergantung antara satu sama lain dalam menjalankan tugas. Apa tah lagi dalam keadaan guru di sekolah kini yang ditimbunkan dengan pelbagai tugas. Keperbezaan di antara mereka sebenarnya merupakan **asas kepada tarikan** untuk mereka bersatu mengikut amalan perpaduan organik. Walau bagaimanapun, mereka tidak seakrab kumpulan polis dan tahap kerjasama berpasukan mereka juga lebih rendah. Oleh kerana mereka terpaksa berhadapan dengan masalah sendirian, maka mereka lebih banyak mengalami tekanan kerja walaupun tugas mereka mungkin tidak begitu mencabar berbanding pasukan polis.

Perbandingan tahap tekanan kerja guru mengikut sekolah

Dalam membandingkan tahap tekanan kerja guru dari sekolah yang berbeza, keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa semua guru di sekolah-sekolah kajian mempunyai tahap tekanan kerja yang sama. Penemuan ini berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang dilakukan di barat seperti kajian oleh Pratt (1978), Pierce dan Molloy (1990), Byrne (1991), Siti Rohani Md Sharif (1991), Beer dan Beer (1992), Schonfeld (1992), Borg dan Riding (1993), Cooper dan Kelly (1993), Hodge et al. (1994), Kinnunen et al. (1994), Hawa Haji Said (1995), Abu Omar Mos (1996), dan ulasan kajian Borg (1990).

Perbezaan tahap tekanan kerja guru dikaitkan dengan banyak faktor, antaranya, sekolah, pelajar, dan mata pelajaran yang diajar. Cooper dan Kelly (1993) mendapati bahawa tekanan kerja guru berbeza mengikut jenis sekolah. Guru di sekolah rendah didapati lebih tinggi tahap tekanan kerja berbanding guru di institusi pendidikan lain. Dapatan kajian tersebut menyokong hasil kajian Byrne (1991) serta Beer dan Beer (1992). Perkara ini disebabkan oleh kurang sokongan pentadbiran dan kerja-kerja perkeranian, kurang kuasa dan ganjaran, salah tanggapan masyarakat bahawa tugas mengajar di sekolah rendah kurang penting, tahap jawatan yang rendah, dan kurang sumber untuk mengajar serta terpaksa lebih kerap menggantikan guru yang tidak hadir. Abu Omar Mos (1996) pula mendapati tahap tekanan kerja guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah lain dalam kajiannya seperti Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Berkaitan dengan jenis sekolah juga, Pierce dan Molloy (1990) mendapati sekolah kerajaan yang rendah taraf sosio-ekonomi mempunyai nisbah guru yang mengalami *burnout* tinggi lebih ramai berbanding guru rendah *burnout*. Sebaliknya, sekolah bukan kerajaan yang tinggi taraf sosio-ekonomi pula mempunyai nisbah guru rendah *burnout* yang lebih ramai berbanding guru yang tinggi *burnout*. Kajian tersebut menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Pratt (1978) yang melaporkan bahawa guru sekolah rendah yang bekerja di kawasan rendah taraf sosio-ekonomi mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding guru yang bertugas di kawasan yang tinggi taraf sosio-ekonomi.

Byrne (1991) menyarankan bahawa jenis pelajar boleh mempengaruhi tahap tekanan kerja guru. Pelajar kelas kemahiran dan vokasional misalnya, memerlukan guru yang mempunyai skil tertentu pada tahap yang memuaskan untuk mengajar dengan baik. Walau bagaimanapun, keputusan kajian tersebut berbeza dengan hasil kajian Kinnunen et al. (1994) yang mendapati tahap tekanan kerja guru vokasional lebih rendah berbanding tahap tekanan kerja guru sekolah komprehensif khas. Di samping itu, pelajar cacat pula memerlukan penumpuan dan penjagaan yang lebih baik daripada guru berbanding pelajar biasa (Byrne 1991).

Selain Byrne (1991) dan Kinnunen et al. (1994), kesan perbezaan mata pelajaran yang diajar ke atas tekanan kerja guru juga ditemukan dalam kajian oleh Hodge et al. (1994). Beliau mendapati bahawa guru Muzik mengalami tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding guru Matematik.

Menurut Byrne (1991) lagi, amalan menggabungkan pelajar cerdik dengan pelajar yang mempunyai taraf kemampuan akademik yang lebih rendah dalam satu kelas yang sama mungkin akan meningkatkan tahap tekanan kerja guru. Tindakan itu menyukarkan guru untuk mengajar kerana daya penerimaan pelajar terhadap pelajaran tidak sama. Pelajar yang cerdik mungkin bosan jika guru mengulang pelajaran yang sama untuk memahamkan pelajar yang kurang cerdik tetapi jika guru menuruti kemampuan dan kemahiran pelajar pintar pula, pelajar yang kurang cerdik akan ketinggalan. Selain itu, bilangan pelajar yang ramai dalam kelas turut dilaporkan sebagai punca tekanan kerja guru (Byrne 1991; Hawa Haji Said 1995; dan Abu

Omar Mos 1996). Bilangan pelajar yang ramai misalnya, menyukarkan guru untuk mengawal disiplin kelas dan mengajar dengan baik.

Satu faktor lagi yang jelas mempengaruhi tahap tekanan kerja guru adalah tingkah laku pelajar seperti tahap disiplin pelajar yang rendah (Abu Omar Mos 1996 dan Byrne 1991), pelajar yang biadap, tidak mengiktiraf kuasa guru, dan tidak bermotivasi untuk belajar (Abu Omar Mos 1996). Hal ini didapati benar berdasarkan data kajian ini serta menyokong ulasan kajian tentang tekanan kerja guru oleh Kyriacou (1987).

Kajian yang dilakukan oleh Schonfeld (1992) mendapati bahawa keadaan sekolah yang negatif mempunyai hubungan dengan kemurungan iaitu salah satu akibat daripada tekanan kerja yang dialami oleh guru. Keadaan sekolah negatif yang dimaksudkan dalam kajian tersebut adalah seperti tiada sokongan daripada Guru Besar atau Pengetua, ibu bapa, dan rakan sekerja. Pengkaji tersebut menyatakan bahawa terdapat kesan keadaan sekolah yang negatif ke atas masalah mental iaitu salah satu daripada simptom kemurungan. Keputusan kajian tersebut menyokong penemuan Siti Rohani Md Sharif (1991) yang mendapati persekitaran sekolah yang tidak menarik boleh memberi kesan ke atas tahap tekanan kerja guru.

Faktor-faktor lain yang tidak kurang penting dalam memberi sumbangan ke atas tahap tekanan kerja guru adalah seperti prestasi pelajar dan kemudahan untuk pengajaran serta aktiviti lain di sekolah. Ia juga sering dikaitkan dengan beban kerja guru yang semakin bertambah. Guru kini terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian seperti menulis pelbagai laporan, mengisi borang, menaip, dan sebagainya.

Berdasarkan faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas serta beberapa faktor lain yang pengkaji jangkakan turut mempengaruhi tahap tekanan kerja guru maka pengkaji telah menjalankan satu temu bual berstruktur yang ringkas dengan wakil setiap sekolah kajian. Tujuan temu bual berstruktur tersebut adalah untuk menilai sejauhmanakah ketiga-tiga sekolah kajian sama dari beberapa aspek tertentu sehingga menyebabkan tidak wujud perbezaan tahap tekanan kerja guru mengikut sekolah yang berbeza. Seperti yang telah dimaklumkan terdahulu, maklumat daripada SMCJP diperoleh melalui pos.

Hasil temu bual tersebut menunjukkan bahawa ketiga-tiga buah sekolah mempunyai beberapa ciri yang sama atau jika berbeza sekali pun tidak begitu ketara dari aspek latar belakang sekolah, pelajar, guru, dan mata pelajaran yang diajar. Dilihat dari aspek latar belakang sekolah, ketiga-tiga sekolah tersebut merupakan sekolah Gred A yang terletak berhampiran dengan pusat bandar Kuala Lumpur tetapi bukan di kawasan yang tinggi taraf sosio-ekonomi. Kebanyakan pelajar di sekolah-sekolah kajian terdiri daripada golongan tahap sosio-ekonomi rendah dan sederhana.

Semua pelajar di SMCJP dan SMPA adalah pelajar perempuan manakala SMJSP merupakan sekolah bagi pelajar lelaki dan perempuan dengan pelajar masing-masing berjumlah 1415, 1463 dan 1883 orang setiap sekolah. Tahap disiplin mereka dilaporkan memuaskan kecuali SMCJP yang menyatakan bahawa tahap disiplin pelajarnya adalah baik. Sepanjang tahun 1997, tidak terdapat seorang pelajar pun yang dibuang sekolah atau dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa di ketiga-tiga buah sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah dua orang pelajar dari SMPA dan

ada, maka mata pelajaran Masakan dan Jahitan turut ditawarkan. Tiada sekolah yang mengendalikan pelajar pra-universiti seperti pelajar Tingkatan 6.

Berdasarkan huraian di atas jelas difahami bahawa ketiga-tiga buah sekolah yang dikaji tidak berbeza dengan ketara dari aspek latar belakang sekolah, jenis pelajar, bilangan guru, beban mengajar, dan mata pelajaran yang ditawarkan. Hal-hal yang disebutkan ini mungkin mempengaruhi keputusan kajian bahawa tekanan kerja guru yang diukur secara umum dan khusus di semua sekolah kajian adalah sama. Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan yang ciri-ciri sekolah kajian yang telah dibentangkan mendatangkan tekanan kepada guru seperti aspek lokasi sekolah di pusat bandar dan bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas. Perkara ini akan dibincangkan kemudian dengan lebih lanjut dalam bahagian yang lain.

Perbandingan tahap tekanan kerja polis mengikut IPPD

Keputusan perbandingan tahap tekanan kerja khusus bagi anggota polis mengikut IPPD tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun, keputusan perbandingan tahap tekanan kerja umum bagi anggota polis mengikut IPPD menunjukkan bahawa kumpulan polis yang bertugas di IPPD Cheras mempunyai tahap tekanan kerja yang berbeza dengan empat IPPD yang lain. Anggota polis di IPPD Cheras menunjukkan tahap tekanan kerja yang paling rendah diikuti dengan anggota polis di IPPD Brickfields, IPPD Dang Wangi, IPPD Sentul, dan IPPD Jalan Bandar.

Hasil kajian yang menunjukkan perbezaan tahap tekanan kerja polis mengikut IPPD turut ditemukan oleh beberapa orang pengkaji tempatan iaitu Samsudin Yaacob (1996), Weng Beng Gee (1996), dan Othman Harun (1997). Mereka mendapati tahap tekanan kerja anggota polis IPPD di kawasan bandar lebih tinggi berbanding anggota polis IPPD di kawasan luar bandar. Berdasarkan keputusan yang diperoleh daripada kajian-kajian terdahulu itu, dapat disimpulkan bahawa tahap tekanan kerja polis yang lebih tinggi di semua IPPD kajian ini, kecuali IPPD Cheras, mungkin mempunyai kaitan dengan perbandaran kerana semua IPPD yang dikaji terletak di Bandaraya Kuala Lumpur. Isu kadar kejadian jenayah, salah laku awam, kecelakaan jalan raya dan vandalisme yang tinggi di kawasan bandar bukan lagi satu perkara mudah untuk disangkal. Hal ini menampakkan cabaran yang lebih besar kepada anggota polis yang berkhidmat di bandar berbanding anggota polis yang bertugas di kawasan luar bandar. Justeru, dapat difahami bahawa tahap tekanan kerja mereka juga lebih tinggi.

Bersumberkan statistik yang dikeluarkan oleh Unit Penerbitan PDRM Bukit Aman (lihat Jadual 4.1, Jadual 4.2, dan Jadual 4.3), pengkaji mendapati bahawa pentadbiran dan anggota polis IPPD Cheras kurang mengalami masalah untuk mencegah jenayah dan memastikan keselamatan masyarakat di kawasan tersebut. IPPD Cheras mempunyai bilangan anggota yang cukup untuk menjalankan tugas dengan bilangan penduduk yang secara relatifnya lebih rendah berbanding bilangan penduduk di bawah pentadbiran IPPD yang lain. Keluasan kawasan pentadbiran IPPD Cheras, walaupun lebih luas berbanding IPPD Brickfields dan IPPD Dang Wangi namun, dengan bilangan anggota yang cukup, pembahagian tugas dapat mereka laksanakan dengan adil. Hal ini mungkin mempengaruhi tahap tekanan kerja mereka yang lebih rendah.

Jadual 4.1 Bilangan anggota polis yang sedia ada dan yang diperlukan di IPPD kajian pada 1997

IBU PEJABAT POLIS DAERAH	BILANGAN ANGGOTA YANG ADA	BILANGAN ANGGOTA YANG DIPERLUKAN	BILANGAN KEKURANGAN ANGGOTA
IPPD BRICKFIELDS	546	646	100
IPPD CHERAS	626	-	-
IPPD DANG WANGI	471	674	203
IPPD SENTUL	809	-	-
IPPD JALAN BANDAR	540	-	-

Jadual 4.2 Bilangan kes jenayah yang dilaporkan dan peratus kes yang berjaya diselesaikan di IPPD kajian pada 1997

IBU PEJABAT POLIS DAERAH	BILANGAN KES DILAPORKAN	PERATUS KES DISELESAIKAN
IPPD BRICKFIELDS	2753	23.0
IPPD CHERAS	3818	20.2
IPPD DANG WANGI	8101	31.8
IPPD SENTUL	4927	20.7
IPPD TRAFIK	58996	-

Jadual 4.3 Bilangan penduduk di bawah pentadbiran IPPD kajian pada 1997

IBU PEJABAT POLIS DAERAH	BILANGAN PENDUDUK	KELUASAN PENTADBIRAN (KM PERSEGI)
IPPD BRICKFIELDS	589926	65
IPPD CHERAS	421998	74
IPPD DANG WANGI	127479	16.5
IPPD SENTUL	775494	131
IPPD TRAFIK	1914897	286.5

Perlaksanaan tugas oleh anggota polis IPPD Brickfields dan IPPD Dang Wangi diramal lebih sukar lantaran kedudukan kawasan bertugas mereka terletak di tengah-tengah bandar. Kawasan-kawasan tersebut merupakan antara kawasan yang menjadi tumpuan pekerja warga kota, pelajar sekolah serta remaja, dan penganggur jalanan. Kawasan tersebut bukan sahaja padat dengan penduduk malah dijangka sebagai kawasan yang bermasalah. Hal ini dibuktikan dengan bilangan kes jenayah yang dilaporkan di IPPD Dang Wangi pada 1997 iaitu melebihi 8000 kes. Dengan kekurangan anggota polis sebanyak 100 orang di IPPD Brickfields dan lebih 200 orang di IPPD Dang Wangi, beban kerja anggota polis di kedua-dua IPPD tersebut mungkin lebih tinggi berbanding IPPD Cheras, apa tak lagi di kawasan yang menjadi tumpuan penduduk dan seterusnya meningkatkan kemungkinan berlaku salah laku dan jenayah yang kerap.

Data tentang IPPD Sentul menunjukkan bahawa ia mempunyai kawasan pentadbiran yang paling luas dan kepadatan penduduk yang paling tinggi berbanding tiga IPPD yang lain, tidak termasuk IPPD Jalan Bandar iaitu mencecah 800,000 orang. Walau bagaimanapun, bilangan kes jenayah yang dilaporkan di IPPD Sentul pada tahun 1997 jauh lebih rendah berbanding kes yang dilaporkan di IPPD Dang Wangi. Hal ini mungkin ada kaitan dengan bilangan anggota polis di IPPD Sentul yang cukup dan paling ramai di antara IPPD di Kuala Lumpur. Walaupun mereka boleh dikatakan berjaya mengendalikan kawasan mereka dengan baik dan ia juga boleh dijadikan petunjuk kepada kerja keras anggota polis di IPPD tersebut namun kesannya, mereka melaporkan tahap tekanan kerja yang tinggi.

Tahap tekanan kerja yang paling tinggi di kalangan anggota polis IPPD Jalan Bandar iaitu Cawangan Trafik Kuala Lumpur memang tepat seperti yang diramal. Tugas polis trafik secara am seperti yang tertulis dalam Seksyen 21 (1a, 1b, 1c) Akta Polis 1967 ialah mengatur, mengawal, dan melencongkan lalu lintas, menjaga ketenteraman di jalan awam, dan mencegah halangan pada waktu perhimpunan dan perarakan di jalan awam (Akta Polis 1967). Punca utama tekanan kerja di kalangan anggota polis trafik adalah beban kerja yang tinggi. IPPD Jalan Bandar bertanggungjawab mengawasi segala urusan lalu lintas di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur. Keempat-empat IPPD lain tidak terlibat langsung dalam hal ini. Di negeri-negeri lain, semua tanggungjawab yang berkaitan dengan lalu lintas di sesuatu daerah tertentu diuruskan oleh IPPD yang berkenaan. Kenyataan ini memberi gambaran bahawa kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada IPPD Jalan Bandar lebih luas.

Sebagai ibu negeri, pusat pentadbiran, pusat pekerjaan, pusat komersil, dan pusat pelancongan, Kuala Lumpur menjadi tumpuan ramai setiap hari. Pada 1997 jumlah kenderaan yang keluar masuk Kuala Lumpur saban hari adalah setengah juta (Mingguan Malaysia 17 Ogos 1997) dan jumlah itu kini mencecah angka tiga per empat juta (Berita Harian 10 Julai 1998). Sejumlah 130 anggota polis trafik, termasuk 20 orang penyelia yang terdiri daripada anggota berpangkat Sarjan dan Kopral diperlukan untuk mengawasi lalu lintas setiap hari. Dengan bilangan anggota yang kurang cukup, beban tugas polis trafik meningkat melalui aturan pusingan kerja yang diamalkan (Mingguan Malaysia 17 Ogos 1997). Oleh yang demikian, setiap anggota trafik terpaksa bertugas di atas jalan raya di samping melakukan tugas-tugas lain seperti pentadbiran, penyiasatan, dan penguatkuasaan undang-undang.

Faktor kedua ialah terdedah kepada risiko kecelakaan jalan raya. Bagi tempoh Januari hingga Julai 1997, dilaporkan sejumlah 12 orang anggota polis trafik mendapat kecederaan akibat kemalangan ketika sedang menjalankan tugas manakala seorang anggota dilaporkan meninggal dunia dalam tempoh yang sama (Mingguan Malaysia 17 Ogos 1997). Bagi tempoh enam tahun mulai 1991, sejumlah hampir 300 orang anggota trafik mendapat kecederaan ketika sedang menjalankan tugas sementara sembilan orang menemui ajal. Satu perkara yang dikesalkan adalah angka-angka tersebut menunjukkan peningkatan saban tahun (Jadual 4.4). Sementara itu, statistik terbaru daripada IPPD Jalan Bandar menunjukkan bahawa sejumlah lima orang anggota polis trafik mendapat kecederaan akibat dilanggar oleh pelumba motosikal haram di Kuala Lumpur ketika sedang menjalankan operasi membanteras pelumbaan motosikal haram bagi tempoh Januari hingga Oktober 1998.

Jadual 4.4 Statistik kecelakaan melibatkan anggota polis trafik ketika sedang menjalankan tugas

TAHUN	KES KECELAKAAN	
	KEMATIAN	KECEDERAAN
1991	-	31
1992	2	39
1993	-	67
1994	2	31
1995	1	47
1996	4	76
1997 (SEHINGGA JULAI)	1	12
JUMLAH	10	303

Lazimnya, kemalangan jalan raya yang dialami oleh anggota trafik disebabkan oleh kecuaian pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kes anggota polis trafik dilanggar dengan sengaja ketika sedang membuat sekatan jalan raya atau pun dilanggar oleh peserta pelumba haram. Kejadian seperti ini menggambarkan bahawa keselamatan dan nyawa anggota polis trafik sentiasa terancam ketika sedang menjalankan tugas. Aspek ini mungkin dapat menjelaskan sebab anggota polis trafik mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding rakan polis mereka di IPPD lain.

Menurut Baron (1995), faktor-faktor persekitaran seperti suhu dan pencahayaan yang terlalu tinggi atau terlalu rendah, bunyi yang bising, dan kualiti udara yang tidak baik boleh mempengaruhi tahap tekanan kerja. Jika ditinjau persekitaran tempat kerja anggota polis trafik, dapat difahami faktor yang menyebabkan mereka mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi. Demi memastikan kelancaran lalu lintas, anggota polis trafik perlu berada di lokasi kerja sekurang-kurangnya tiga jam pada awal pagi iaitu ketika warga kota menuju ke tempat kerja dan pada waktu petang ketika warga kota dalam perjalanan pulang dari tempat kerja. Pada waktu-waktu puncak ini, bantuan polis trafik amat diperlukan kerana kebergantungan kepada lampu isyarat semata-mata akan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk. Demi melaksanakan tugas yang penting ini, faktor cuaca seperti panas, hujan, dan jerebu tidak boleh dijadikan halangan. Walau bagaimanapun, akibat terdedah kepada perubahan cuaca yang melampau dan pencemaran udara dalam jangka masa berterusan, tahap kesihatan anggota polis trafik merosot (Mingguan Malaysia 17 Ogos 1997). Mereka yang kurang mampan dengan perubahan cuaca dristik mungkin akan mengalami demam, sakit kepala, dan batuk. Pencemaran udara seperti jerebu boleh menyebabkan fungsi organ badan seperti paru-paru dan mata terganggu. Mereka mungkin akan mengalami sesak nafas, batuk, mata pedih serta berair, dan demam. Hal ini jelas meningkatkan tekanan kerja mereka.

Tekanan kerja dan dimensi personaliti

Perbandingan tahap tekanan kerja mengikut dimensi personaliti dilakukan secara berasingan berdasarkan kerjaya dan dimensi personaliti. Sejumlah sembilan

perbandingan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini mendapat bahawa hanya perbandingan tahap tekanan kerja guru dan tahap tekanan kerja jururawat mengikut dimensi personaliti neurotisme sahaja yang menunjukkan perbezaan signifikan. Secara umum, keputusan ini menyokong pendapat Eysenck dan Eysenck (1985). Bagi kumpulan guru, keputusan tersebut didapati sama dengan keputusan kajian Byrne (1991) serta Fontana dan Abouserie (1992) manakala bagi kumpulan jururawat pula, ia selari dengan keputusan kajian Eastburg et al. (1994). Peranan personaliti, selain dimensi personaliti yang terlibat dalam kajian ini, ke atas tahap tekanan kerja turut ditemui dalam kajian Cooper dan Kelly (1993), Borg dan Riding (1993) dan Kirkcaldy et al. (1995).

Perbandingan tahap tekanan kerja guru, polis, dan jururawat mengikut dimensi personaliti introversi-ekstraversi dan psikotisme tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Hal ini jelas bertentangan dengan kebanyakan kajian-kajian terdahulu seperti kajian oleh Byrne (1991), Fontana dan Abouserie (1992), Holt (1993), dan Eastburg et al. (1994).

Semua hipotesis berhubung dengan perbandingan tahap tekanan kerja guru, polis, dan, jururawat mengikut dimensi personaliti psikotisme telah ditolak walaupun keputusan yang diharapkan adalah sebaliknya. Hal ini mempunyai kaitan dengan bilangan subjek. Perbandingan tahap tekanan guru mengikut dimensi personaliti psikotisme tidak dapat dijalankan kerana tidak terdapat subjek guru yang tergolong dalam kumpulan dimensi personaliti psikotik. Sementara itu, bagi kerjaya polis dan jururawat pula, jurang perbezaan bilangan subjek di antara kumpulan berpersonaliti

psikotik dengan kumpulan berpersonaliti tidak psikotik adalah terlalu luas. Walaupun analisis perbezaan tahap tekanan kerja polis dan jururawat menghasilkan keputusan yang tidak signifikan namun, pengkaji mengambil keputusan untuk tidak mempertimbangkan keputusan itu kerana perbandingan tersebut tidak adil.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa golongan berpersonaliti neurotik lebih tinggi tahap tekanan kerja berbanding kumpulan lawannya. Individu neurotik mempunyai ciri-ciri seperti bimbang, risau, sensitif, murung, rendah penghargaan diri, tidak rasional, pemuas, dan merasa bersalah. Sikap-sikap seperti ini membuatkan golongan neurotik cenderung untuk mencampuradukkan masalah kerja dengan perkara-perkara lain misalnya, masalah keluarga. Mereka juga mempunyai kecenderungan untuk melihat kepada aspek-aspek negatif tekanan kerja yang seterusnya menyebabkan mereka kian tertekan.

Walaupun tidak signifikan, pengkaji mendapati subjek introvert dalam kajian menunjukkan kecenderungan untuk mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding individu yang ekstravert. Individu ekstravert lazimnya mempunyai ciri seperti suka bersosial, aktif, assertif, cergas, suka kepada perubahan, berani menanggung risiko, dan tidak mengikut perasaan (Eysenck dan Eysenck 1985). Sikap-sikap positif seperti ini membolehkan individu ekstravert bertindak balas terhadap tekanan kerja dengan lebih berkesan. Lantaran sikap suka bersosial, mereka mempunyai ramai kawan untuk melepaskan rasa tertekan, dibawa berbincang untuk menyelesaikan masalah atau bersuka ria. Sikap berani menanggung risiko, suka kepada perkara baru dan tidak suka mengikut perasaan membolehkan mereka melihat tekanan kerja sebagai satu cabaran

kumpulan polis sementara kumpulan jururawat mempamerkan tahap kemurungan yang paling tinggi. Secara terperinci, tahap kemurungan kumpulan polis dan jururawat berbeza dengan tahap kemurungan kumpulan guru. Walau bagaimanapun, tahap kemurungan kumpulan polis tidak berbeza secara signifikan dengan tahap kemurungan kumpulan jururawat. Perbezaan tahap kemurungan ini boleh ditinjau dari aspek tabii kerja kumpulan subjek yang terlibat.

Oleh kerana tidak terdapat sebarang kajian yang memperbandingkan tahap kemurungan di antara kerjaya-kerjaya yang dikaji maka perbandingan di antara keputusan kajian ini dengan kajian-kajian lepas tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian yang pernah dijalankan menunjukkan bahawa wujud kemurungan di kalangan guru (Seidman dan Zager 1991; Schonfeld 1990 dan 1992; Beer dan Beer 1992; Cooper dan Kelly 1993; dan Kinnunen et al. 1994), anggota polis (Joseph 1989; Bartol et al. 1992; dan Violanti dan Aron 1994), dan jururawat (Glass et al. 1993). Secara tidak langsung, keputusan kajian ini disokong oleh kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan.

Perlu dijelaskan di sini bahawa berdasarkan keputusan kajian, didapati rata-rata subjek dalam kajian ini mengalami kemurungan pada tahap purata dan bukannya kemurungan yang serius seperti distimia dan hipomania (Mahmood Nazar Mohamed 1990 dan Read 1993). Ciri-ciri individu yang mengalami kemurungan tahap purata ialah seperti suka menangis, cepat marah, berpemikiran pesimistik, tinggi sikap kebergantungan, dan merasa bersalah (Williams 1984).

Kenyataan bahawa guru kurang murung berbanding polis dan jururawat boleh dikaitkan dengan masa bekerja. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam penyelidikan ini merupakan sekolah dua sesi. Dengan kata lain, guru di sekolah-sekolah tersebut hanya perlu berada di sekolah separuh hari sama ada pagi atau petang sahaja. Dengan mengambil contoh guru yang mengajar pada waktu pagi, pada sebelah petang guru berkenaan boleh merehatkan diri dan bersantai untuk menenangkan fikiran. Jika tekanan kerja yang dialami tidak mencapai tahap amat berat, interaksi dengan keluarga boleh mengurangkan beban tekanan kerja. Hal ini seterusnya melindungi guru daripada kemurungan.

Punca tekanan kerja guru yang utama dalam kajian ini dikaitkan dengan tingkah laku pelajar yang sukar dikawal dan biadap. Gejala ini hanya berlaku di sekolah sahaja. Sebaik sahaja tamat waktu persekolahan dan meninggalkan halaman sekolah guru tidak lagi mempunyai sebarang interaksi dengan pelajar, khususnya pelajar yang nakal. Justeru, tekanan kerja yang disebabkan oleh pelajar-pelajar bermasalah ini dirasakan masih boleh dibendung agar tidak berlarutan sehingga menjadikan seseorang guru itu murung. Walau bagaimanapun, jika guru-guru yang mengalami tekanan akibat daripada kenakalan dan kebiadapan para pelajar tidak dapat mengambil langkah-langkah wajar untuk mengurangkan tahap tekanan kerja, mungkin mereka akan menghadapi risiko untuk menjadi murung kelak.

Apabila dibandingkan dengan masa bekerja di antara guru dengan polis dan jururawat, ternyata ia cukup berbeza. Seorang anggota polis yang menjalankan tugas-tugas am seperti tugas bit, meronda dan pentadbiran, jadual kerjanya senantiasa

berubah mengikut masa empat atau lapan jam. Maksudnya, mereka berkerja selama empat jam diikuti dengan rehat empat jam dan kemudian bekerja semula selama empat jam. Pusingan ini dibuat sehingga lengkap pusingan sehari 24 jam. Jadual ini membuatkan anggota polis sentiasa perlu bersedia. Selain itu, masa tidur dan masa untuk berinteraksi dengan keluarga mereka juga terganggu.

Demikian juga dengan subjek jururawat yang bekerja mengikut jadual masa kerja yang tidak tetap. Jururawat yang terlibat dalam kajian ini mempunyai jadual masa kerja tiga pusingan iaitu pagi, petang dan malam. Tempoh bekerja bagi setiap pusingan ialah lapan jam tanpa ada waktu rehat yang khusus. Jururawat akan bekerja dalam satu pusingan yang sama bagi empat hari berturut-turut dan diikuti dengan rehat selama sehari sebelum bertukar kepada masa bekerja pusingan kedua dan seterusnya. Masalah yang timbul samalah seperti yang dihadapi oleh kumpulan polis iaitu gangguan masa rehat dan tidur. Masa untuk bersama keluarga juga turut terjejas. Mereka juga mungkin sukar untuk mendapatkan sokongan sosial apabila berhadapan dengan masalah lantaran masa kerja yang agak berbeza dengan kebanyakan orang lain. Hal ini mungkin mendedahkan jururawat kepada kecenderungan untuk menjadi lebih murung berbanding kumpulan guru.

Subjek guru juga mempunyai cuti hujung minggu yang selesa selepas setiap lima hari bekerja serta cuti semester yang panjang setelah beberapa bulan mengajar. Pengkaji berpendapat bahawa cuti seperti ini lebih bertujuan untuk meringankan beban tekanan kerja guru berbanding membenarkan para pelajar berehat. Hal ini berbeza dengan kumpulan polis dan jururawat yang hanya mempunyai cuti tahunan dengan

bilangan hari cuti yang dibenarkan berbeza mengikut tempoh perkhidmatan. Mereka juga menghadapi kebarangkalian untuk ditarik balik kebenaran bercuti jika berlaku kecemasan. Dengan kata lain, walaupun sedang bercuti mereka perlu bersedia untuk dipanggil bertugas pada sebarang masa.

Satu lagi faktor yang mungkin mempengaruhi tahap kemurungan guru adalah maklum balas tentang hasil kerja mereka seperti kejayaan para pelajar. Berdasarkan statistik 1997, ketiga-tiga buah sekolah yang dikaji mencatat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) iaitu peratus kelulusan setiap sekolah melebihi 96 peratus. Bagi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia pula peratus kelulusan yang dicapai adalah di antara 64 peratus hingga 76 peratus dengan masing-masing mencatat peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Lazimnya, kejayaan yang cemerlang para pelajar dalam peperiksaan awam mendapat liputan yang meluas daripada pihak media cetak dan elektronik. Perasaan bangga dan gembira guru yang mengiringi kejayaan para pelajar tidak boleh disangkal kerana kecemerlangan tersebut sebahagian besarnya merupakan indikator kepada keberkesanan hasil usaha pengajaran guru. Ia juga boleh membuatkan guru lupa akan beban tekanan kerja yang dihadapi serta kembali memupuk semangat untuk lebih tekun mengajar.

Subjek jururawat merupakan kumpulan kerjaya dalam kajian ini yang paling tinggi tahap kemurungan. Hal ini mungkin ada kaitannya dengan persekitaran kerja mereka yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai karenah pesakit, kematian dan kesedihan. Seperti yang dilaporkan dalam kajian ini, mereka merasa seolah-olah

Kemurungan dan dimensi personaliti

Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kemurungan subjek berbeza mengikut dimensi personaliti. Individu berpersonaliti introvert dan neurotik menunjukkan tahap kemurungan yang lebih tinggi berbanding kumpulan lawan mereka. Namun, tahap kemurungan tidak berbeza mengikut dimensi personaliti psikotisme.

Hubungan di antara kemurungan dengan dimensi personaliti bukanlah suatu perkara baru. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa wujud kesan personaliti tahan lasak ke atas hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan (Holt 1993). Personaliti tahan lasak dipamerkan oleh individu yang tinggi itizam terhadap kerja, bertindak balas positif ke atas cabaran, dan mampan tekanan. Tahap kemurungan juga didapati lebih tinggi di kalangan individu yang menghadapi masalah dengan personaliti diri seperti rendah penghargaan kendiri (McGrath, Keita, Strickland dan Russo 1990 dan Buss 1995).

Dalam konteks kajian ini, didapati individu introvert dan neurotik mempunyai tahap kemurungan yang lebih tinggi. Keputusan ini sesuai dengan pendapat Eaves, Eysenck, dan Martin (1989), McGrath et al. (1990) dan Buss (1995). Eaves et al. (1989) menyatakan bahawa ciri-ciri kemurungan boleh dilihat pada individu yang neurotik. Ciri-ciri individu neurotik seperti merasa bersalah, rendah penghargaan kendiri, dan bimbang jelas mempunyai hubungan dengan ciri-ciri kemurungan seperti hilang keseronokan untuk melakukan sebarang kerja, mempunyai keinginan untuk membunuh diri dan, merasakan yang diri tidak bernilai (Buss 1995).

Hal yang sama boleh dilihat pada individu introvert dengan ciri-ciri seperti tidak mahu berinteraksi dengan orang lain, tidak mesra, tidak gembira, malu, dan menyembunyikan perasaan daripada diketahui oleh orang lain (Buss 1995). Sikap-sikap seperti ini meningkatkan kebarangkalian seseorang individu introvert untuk menjadi murung lantaran masalah dan bebanan yang dihadapi tidak dapat diluahkan agar dapat diselesaikan atau dikurangkan.

Gruen (1993) menyatakan bahawa selain faktor umur dan personaliti, pembolehubah jantina turut mempengaruhi tahap kemurungan. Golongan wanita dikatakan lebih terdedah kepada gejala kemurungan berbanding golongan lelaki. Kenyataan ini boleh dijelaskan berdasarkan hubungan di antara dimensi personaliti introversi dan neurotisme dengan kemurungan. McGrath et al. (1990) menyatakan bahawa ciri-ciri dimensi personaliti introversi dan neurotisme merupakan ciri-ciri yang biasanya wujud dalam diri wanita maka mereka lebih cepat mengalami kemurungan berbanding lelaki. Hal ini dibuktikan benar dalam kajian ini yang mendapati kumpulan jururawat yang terdiri daripada wanita sahaja, memperoleh tahap kemurungan lebih tinggi berbanding kumpulan guru dan polis.

Berdasarkan ciri-ciri individu introvert dan neurotik serta ciri-ciri kemurungan, maka tidak hairanlah dimensi personaliti yang dikaji dalam kajian ini memberi kesan ke atas tahap kemurungan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian-bahagian lain terdahulu, analisis melibatkan dimensi personaliti psikotisme yang tidak signifikan ke atas tahap kemurungan adalah disebabkan oleh kekurangan subjek dalam kumpulan dimensi personaliti tidak psikotik.

Dalam membincangkan hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan ini, perlu dinyatakan bahawa ada pendapat yang mengatakan ciri-ciri kemurungan seperti menangis dan mengelakkan diri daripada berinteraksi dengan orang ramai mungkin sebenarnya adalah cara individu terlibat berdaya tindak ke atas tekanan yang sedang dialami (Beer dan Beer 1990). Dengan kata lain, individu tersebut menangis dan mengelakkan diri daripada berinteraksi bukan menunjukkan kemurungan tetapi sebaliknya merupakan cara untuk mengurangkan tekanan kerjanya.

Tekanan kerja dan kemurungan

Seperti yang dilaporkan dalam bab keputusan, tahap tekanan kerja yang berbeza bagi kumpulan guru dan jururawat mempunyai kesan ke atas tahap kemurungan. Walau bagaimanapun, tahap kemurungan kumpulan polis tidak berbeza secara signifikan mengikut tahap tekanan kerja polis. Subjek kumpulan guru dan jururawat yang mempamerkan tahap tekanan kerja yang rendah mengalami tahap kemurungan yang rendah dan sebaliknya subjek kumpulan guru dan jururawat yang mempamerkan tahap tekanan kerja yang tinggi mengalami tahap kemurungan lebih yang tinggi. Secara umum, keputusan tersebut disokong oleh ulasan penyelidikan Gruen (1993) dan Holt (1993).

Secara khusus merujuk kepada kumpulan guru, keputusan kajian ini didapati selari dengan keputusan kajian Schonfeld (1990 dan 1992), Seidman dan Zager (1991), Beer dan Beer (1992), Kelly dan Cooper (1993), Kinnunen et al. (1994) dan ulasan

kajian Borg (1990). Seidman dan Zager (1991) dan Kinnunen et al. (1994) menemukan bahawa tekanan kerja mempunyai hubungan dengan kemurungan manakala Schonfeld (1990) pula mendapati kemurungan berhubungan secara positif dengan punca-punca tekanan kerja dan berhubungan secara negatif dengan kepuasan kerja. Dalam kes tempatan, kajian Hawa Haji Said (1995) yang menunjukkan guru mempunyai kecenderungan berhenti berkhidmat sebagai seorang pendidik lebih awal mungkin boleh dikaitkan dengan kemurungan. Begitu juga dengan laporan akhbar tentang guru yang mencabul kehormatan empat orang wanita pemungut tol (New Straits Times 28 Januari 1993) dan guru yang merotan pelajar sebanyak 14 kali sehingga berdarah dalam dua insiden (Utusan Melayu 18 Februari 1993) mungkin merupakan guru-guru yang murung akibat tekanan kerja sehingga gagal mengawal kelakuan yang tidak wajar dilakukan oleh seorang yang terpelajar.

Berhubung dengan kumpulan polis pula, keputusan yang diperoleh dalam kajian ini didapati bertentangan dengan kebanyakan kajian-kajian lampau yang melihat hubungan di antara tekanan kerja polis dengan kemurungan. Kajian-kajian lepas ke atas sampel polis menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan di antara tekanan kerja dengan kemurungan seperti yang dilaporkan oleh Joseph (1989), Brown dan Campbell (1990), Bartol et al. (1992), Violanti dan Aron (1993 dan 1994) dan Kirkcaldy (1993). Violanti dan Aron (1993) telah menunjukkan kesan tekanan kerja ke atas kemurungan dan pada tahun berikutnya mereka melaporkan bahawa punca tekanan kerja organisasi meningkatkan tahap kemurungan 6.3 kali ganda lebih banyak berbanding punca tekanan kerja inheren.

Keputusan kajian ini yang menunjukkan tahap tekanan kerja jururawat boleh mempengaruhi tahap kemurungan disokong oleh kajian Donat et al. (1991) yang mendapati 39 situasi tekanan kerja yang biasa dialami oleh juruarawat mempunyai hubungan dengan tahap kemurungan yang tinggi. Ia juga selari dengan kajian Glass et al. (1993) yang melaporkan bahawa 19 peratus daripada varians kelelahan emosi dalam komponen *burnout* disumbangkan oleh kemurungan. Selain itu, beberapa orang pengkaji telah cuba melihat hubungan tekanan kerja jururawat dengan simptom-simptom kemurungan seperti kesakitan mental (Weng 1991; Tyler dan Cushway 1992 dan Rees dan Cooper 1992). Mereka menemukan bahawa wujud hubungan positif di antara tekanan kerja jururawat dengan kesakitan mental. Dalam kajian lain pula, tekanan kerja didapati berhubungan secara negatif yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi (Orpen 1990) dan keseronokan bekerja (Kandolin 1993). Sungguhpun tidak mengkaji secara langsung hubungan tekanan kerja jururawat dengan kemurungan, kajian-kajian tersebut sedikit sebanyak menyokong hasil kajian ini kerana sakit mental dan ketidaksejahteraan psikologi merupakan simptom-simptom kemurungan.

Kecenderungan seseorang untuk menjadi murung apabila mengalami tekanan kerja bukanlah satu perkara yang luar biasa. Dalam kajian-kajian awal tentang hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan, sering dikatakan bahawa pembolehubah-pembolehubah tersebut mempunyai hubungan negatif secara langsung. Dengan perkataan lain, para pengkaji bersetuju bahawa tekanan kerja boleh menyebabkan berlakunya kemurungan. Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji terkemudian menyatakan bahawa hubungan tekanan kerja dengan kemurungan

disederhanakan oleh faktor-faktor lain seperti tingkah laku daya tindak terhadap tekanan kerja, sokongan sosial, dan perbezaan personaliti individu (Gruen 1993).

Berpandukan pendapat yang lebih awal, hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan boleh dijelaskan dengan meneliti petikan definisi tekanan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978) iaitu tekanan merujuk kepada perasaan negatif seperti marah dan murung. Pengalaman tekanan biasanya disertai dengan perubahan-perubahan fisiologi dan biologi seperti peningkatan denyutan jantung atau pembebasan hormon adrenokortikotropik ke dalam salur darah (Kyriacou dan Sutcliffe 1978). Kemurungan merupakan satu simptom psikologi kepada tekanan kerja dan sering kali dikaitkan dengan penghargaan kendiri yang rendah.

Individu yang mengalami tekanan kerja sering dikaitkan dengan perasaan dan tingkah laku negatif seperti bersedih, tidak mempunyai semangat atau motivasi, menyalahkan diri sendiri, prestasi kerja menurun, mengalami gangguan tidur, tidak lagi mempunyai minat ke atas orang lain, dan merasa tidak mampu membuat keputusan dengan betul. Perkara-perkara ini mempunyai kaitan secara langsung dengan ciri-ciri kemurungan seperti yang cuba diukur oleh BDI. Ciri-ciri individu murung yang disenaraikan oleh Persatuan Psikiatrik Amerika menerusi *Diagnostic and Statistical Manual of Disorders - Third Edition* (Mahmood Nazar Mohamed 1990) dikelaskan kepada empat aspek iaitu ragam, vitaliti, agitasi dan tingkah laku yang diarahkan untuk mencari ketenangan. Kebanyakan ciri yang disenaraikan tersebut mempunyai perkaitan dengan tekanan seperti tidak ketawa, bosan, tidak boleh berfikir dengan betul, sukar

untuk memulakan sesuatu kerja, risau, dan runsing serta suka menunjukkan kelemahan diri sendiri.

Berdasarkan huraian ini dapat digambarkan hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan. Kemurungan mungkin boleh dilihat sebagai kesan tekanan kerja yang melampau. Sementara itu, ada pendapat yang menyatakan bahawa hubungan tekanan kerja dan kemurungan adalah bertimbang balik iaitu tekanan kerja boleh meningkatkan kemurungan dan kemurungan pula boleh juga meningkatkan tekanan kerja (Gruen 1993).

Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, para pengkaji masa kini lebih besetuju bahawa terdapat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan. Dengan kata lain para pengkaji tersebut mengandaikan bahawa hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut tidak berlaku secara langsung. Hubungan tekanan kerja dan kemurungan boleh dipengaruhi oleh faktor jantina, umur, genetik, peristiwa murung yang pernah dialami dan personaliti individu (Gruen 1993). Wanita, orang muda, individu yang pernah mengalami kemurungan, transmpter serta hormon tertentu yang diwarisi daripada ibu bapa dan individu berpersonaliti neurotik lebih mudah menjadi murung apabila mengalami tekanan kerja pada jangka masa panjang.

Pendapat ini yang menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan di antara tekanan kerja dengan kemurungan mungkin boleh digunakan untuk menjelaskan ketidaksignifikanan tahap kemurungan mengikut tahap

tekanan kerja bagi kumpulan polis. Ciri-ciri yang wujud dalam pasukan polis seperti penerapan mutu disiplin yang tinggi, tanggungjawab untuk mematuhi arahan lisan dan bertulis daripada ketua serta undang-undang kepolisan yang dikenakan ke atas mereka mungkin telah berjaya membendung pasukan tersebut daripada mengalami kemurungan akibat daripada tekanan kerja. Penerapan kualiti disiplin yang tinggi mungkin menjadikan anggota polis tahan lasak serta mampan menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas. Hal ini dapat dilihat dalam slogan PDRM iaitu 'Cepat dan Betul'. Di bawah prinsip ini, anggota polis berikrar untuk menawarkan perkhidmatan dengan cerdas dan cergas, hormat dan bertata susila, menepati jangka masa, berhemat dan menyeluruh dan akhir sekali, menepati kehendak serta peraturan.

Tahap kemurungan mungkin juga boleh dipengaruhi oleh persekitaran tempat kerja. Schonfeld (1992) menyatakan bahawa tahap kemurungan guru dalam kajiannya bergantung kepada persepsi guru terhadap persekitaran sekolah sama ada persekitaran yang tidak seronok, sederhana atau pun terbaik. Guru yang menyatakan persekitaran sekolah yang tidak seronok mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi. Hal ini tidak memerlukan kerana jika sekolah tersebut mempunyai tahap disiplin pelajar yang tidak memuaskan, guru akan menghadapi masalah untuk mengawal kelas atau menghadapi kemungkinan dicederakan oleh pelajar. Hal-hal ini mungkin menyebabkan guru mengalami kekecewaan dan tidak dapat mencapai matlamat dalam menjalankan tugas. Faktor-faktor ini boleh menyebabkan tekanan kerja dan mengundang risiko kemurungan.

Punca tekanan kerja dan kerjaya

Para pengkaji lepas mengkategorikan punca tekanan kerja secara bebas dan pelbagai serta berbeza pula mengikut kerjaya tertentu. Antara punca tekanan kerja yang popular adalah punca tekanan kerja organisasi, punca tekanan kerja dalaman, dan peranan pengurusan. Perlu dijelaskan bahawa terdapat beberapa punca tekanan kerja yang sama dilaporkan oleh subjek yang menyandang jawatan berbeza seperti seperti ketidakcukupan gaji, masalah komunikasi dan kerjasama dengan rakan sekerja atau pihak pentadbir, peralatan atau sumber untuk melakukan kerja tidak cukup, dan konflik antara pekerjaan dengan keluarga. Perkara-perkara ini dikatakan boleh mendatangkan tekanan kepada sebarang subjek tanpa mengira jawatan atau dengan kata lain, ia merupakan punca-punca tekanan kerja yang umum.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa setiap kerjaya mempunyai punca tekanan kerja yang tersendiri. Faktor tekanan kerja guru, misalnya dikaitkan dengan beban kerja yang melampau dan tingkah laku pelajar yang tidak terkawal. Polis pula lebih banyak dikaitkan dengan tugas-tugas yang bahaya seperti menghadapi kebarangkalian terbunuuh atau sebaliknya membunuuh ketika sedang menjalankan tugas. Sementara itu, jururawat mungkin menghadapi tekanan dalam memenuhi keperluan emosi setiap pesakit yang dijeja.

Dalam kajian ini, punca tekanan kerja bagi setiap kumpulan kerja turut diukur. Berdasarkan tiga punca tekanan kerja yang paling utama dilaporkan, didapati bahawa kumpulan guru lebih tertekan disebabkan oleh pelajar yang biadap dan tidak mengiktiraf

kuasa guru serta terlalu banyak kerja pentadbiran. Kedua-dua punca tekanan kerja tersebut merupakan punca tekanan kerja guru yang agak kerap ditemui dalam kajian-kajian lain yang pernah dilakukan. Tekanan kerja guru yang disebabkan oleh hal-hal yang berkait dengan tingkah laku pelajar dilaporkan oleh Byrne (1991), Siti Rohani Md Sharif (1991), Borg dan Riding (1993), Suseela Malakalunthu (1994), Junaidah Mohd Jamil (1995), dan Tan Huat Chye (1996) sementara beban kerja pula merupakan salah satu daripada punca tekanan kerja guru yang ditemui dalam kajian Byrne (1991), Siti Rohani Md Sharif (1991), Smith dan Bourke (1992), Cooper dan Kelly (1993), Gaziell (1993) dan Junaidah Mohd Jamil (1995).

Bersandarkan keputusan temu bual berstruktur, pengkaji mengandaikan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan guru di sekolah kajian mengalami tahap tekanan kerja yang tinggi apabila diukur dengan menggunakan TSS. Faktor pertama ialah kedudukan sekolah di kawasan pusat bandar. Pembandaran merupakan satu usaha yang murni ke arah memajukan negara dan meningkatkan taraf mutu hidup rakyat. Walau bagaimanapun, pembandaran telah dikenal pasti sebagai satu punca yang menyebabkan berleluasanya masalah sosial remaja termasuk para pelajar sekolah. Pelajar-pelajar sekolah khususnya di kawasan bandar, tidak kekok mengamalkan pergaulan bebas, salah laku seperti merokok dan perbuatan vandalism. Kedudukan sekolah di pusat bandar membuka ruang untuk para pelajar melepak dengan selesa di kompleks-kompleks membeli belah. Pengkaji mengenal pasti sekurang-kurangnya terdapat dua buah pusat membeli belah berhampiran dengan setiap sekolah kajian yang memungkinkan pelajar masing-masing untuk berpeleseran. Di samping itu, kemudahan media massa di Kuala Lumpur juga mudah diperoleh.

Bukan sahaja akhbar, buku dan majalah malah kedai permainan video, cakera padat dan kafe siber juga telah banyak wujud di bandaraya. Hal ini bukan sahaja melalaikan anak-anak yang masih bersekolah malah mendatangkan masalah kepada guru untuk mengawal tingkah laku mereka.

Majoriti pelajar di sekolah kajian merupakan pelajar yang datang dari keluarga yang rendah taraf sosio-ekonomi. Kehidupan di bandar dibayangi dengan kemewahan tetapi kehendak pelajar mungkin tidak dapat dipenuhi oleh pihak ibu bapa yang kurang berkemampuan. Justeru, mereka lebih cenderung untuk bekerja mendapatkan wang berbanding meneruskan pengajian dengan baik. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai semangat untuk belajar. Jika pelajar masih ke sekolah lantaran desakan ibu bapa, maka mereka ini akan mendatangkan masalah kepada guru dan seterusnya meningkatkan tahap tekanan kerja guru.

Amalan menggabungkan pelajar pandai dengan pelajar kurang pandai dalam satu kelas mengikut aliran masing-masing, jika merujuk kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, dilihat sebagai boleh memberi tekanan kerja tinggi kepada guru di sekolah. Ketiga-tiga buah sekolah kajian mengamalkan dasar ini kecuali SMPA yang mengasingkan pelajar pandai, tetapi hanya bagi dua kelas pertama sahaja. Bagi SMPA, selepas dua kelas pertama, kelas-kelas lain turut menggabungkan pelajar pandai dengan pelajar kurang pandai dalam satu kelas. Masalah yang timbul akibat tindakan ini adalah guru sukar untuk melaksanakan tugas-tugas pengajaran agar sesuai dengan pelbagai tahap kemampuan minda pelajar. Pelajar yang bijak mungkin merasa bosan jika guru mengajar dengan lambat atau mengulang-ulang isi pengajaran dengan tujuan

untuk memahamkan pelajar yang kurang cerdas. Sementara itu, pelajar yang lemah pula mungkin merasa seperti disisihkan atau tidak dapat mengikuti pelajaran dengan baik jika guru mengambil keputusan untuk mengajar berdasarkan kemampuan pelajar pandai menerima ilmu. Masalah ini lebih ketara dengan peraturan baru Kementerian Pendidikan bahawa pelajar lepasan PMR yang hanya lulus satu D bagi sebarang mata pelajaran layak untuk dinaikkan ke Tingkatan 4. Kesannya, terdapat pelajar Tingkatan 4 yang hanya tahu mengeja nama sendiri dan beberapa perkataan mudah. Pelajar lembab dan lembam ini jelas memberi masalah besar kepada guru.

Punca tekanan kerja guru yang tinggi juga boleh dikaitkan dengan bilangan pelajar yang besar dalam sesebuah kelas iaitu seramai 40 orang bagi SMPA dan SMCJP. Bilangan pelajar yang ramai menyebabkan guru sukar mengawal tingkah laku pelajar yang bising, nakal, biadap, dan tidak menumpukan penuh perhatian terhadap pengajaran. Hal ini bertepatan dengan keputusan kajian ini seperti yang dinyatakan terdahulu bahawa dua punca utama tekanan kerja guru adalah pelajar yang biadap dan tidak mengiktiraf kuasa guru. Pelajar yang dimaksudkan pastinya adalah pelajar dalam kelas yang diajar kerana guru dan pelajar kurang berinteraksi secara langsung di luar kelas. Kelas yang besar juga memberi beban kerja yang lebih tinggi kepada guru dari aspek penyemakan buku dan skrip jawapan peperiksaan. Apa tah lagi guru-guru dalam kajian ini kebanyakannya mempunyai beban tugas mengajar yang tinggi iaitu di antara 24 hingga 25 period mengajar seminggu. Di samping itu, guru mungkin menghadapi ketidakcukupan masa untuk memberikan penumpuan secara peribadi kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah atau lemah dalam pelajaran.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, punca tekanan kerja yang diperoleh bagi kumpulan polis adalah kanak-kanak yang teraniaya, peristiwa rakan sekerja terbunuh dan kurang sokongan dari pihak jabatan. Keputusan tersebut menolak hipotesis yang telah dibentuk. Ia juga bertentangan dengan kebanyakan kajian yang menemukan struktur dan iklim organisasi polis sebagai punca tekanan kerja polis yang utama (Joseph 1989; Pierce dan Dunham 1992; Violanti dan Aron 1993; Kirkcaldy 1993; Kirkcaldy et al. 1995; Brown et al. 1996 dan Samsudin Yaacob 1996). Contoh punca tekanan kerja polis yang disebabkan oleh struktur dan iklim organisasi polis ialah kurang penglibatan dalam pembuatan keputusan, jadual giliran kerja, kurang tunjuk ajar daripada penyelia, diskriminasi, dan gaji yang tidak cukup.

Sungguhpun demikian, keputusan kajian ini disokong oleh kajian Bartol et al. (1992), Patterson (1992), Violanti dan Aron (1994), dan Robinson et al. (1997). Dalam kajian Robinson et al. (1997) anggota polis melaporkan tahap tekanan yang tinggi akibat insiden yang kritikal seperti mangsa penganiayaan dan kemalangan serta pembunuhan. Kesan tekanan kerja polis yang tinggi dalam kajian tersebut dilihat dari aspek simptom gangguan tekanan post-trauma atau PTSD. Bartol et al. (1992), Patterson (1992), dan Violanti dan Aron (1994) pula melaporkan bahawa anggota polis menyatakan tragedi seperti peristiwa pembunuhan yang meliputi anggota polis terpaksa membunuh seseorang atau anggota polis melihat peristiwa rakan sekerja terbunuh dan adegan tembak menembak merupakan punca tekanan kerja polis yang utama.

Peristiwa-peristiwa yang berbahaya merupakan perkara yang lazim berlaku dalam kehidupan seseorang anggota polis. Menyedari kemungkinan terdedah kepada

peristiwa yang berbahaya, anggota polis bukan sahaja akan sentiasa berada dalam keadaan siap sedia malah sering merasa tidak selamat. Hal ini jelas mendarangkan tekanan. Anggota polis dalam kajian ini melaporkan bahawa mereka lebih tertekan akibat penganiayaan kanak-kanak berbanding melihat rakan sekerja terbunuh mungkin kerana senario jenayah dan salah laku di Malaysia kurang kerap melibatkan kematian anggota polis. Hal ini mungkin berbeza dalam masyarakat barat yang bebas membawa senjata masing-masing dan bebas juga menggunakananya, jika difikirkan perlu.

Jururawat melaporkan tekanan kerja mereka berpunca daripada pesakit iaitu perasaan merasa bertanggungjawab ke atas pesakit, cuba untuk mencapai tahap penjagaan pesakit yang bermutu dan tindakan untuk mengambil berat tentang emosi pesakit. Keputusan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Heim (1991) dan Tsai (1993) tetapi bertentangan dengan kebanyakan keputusan kajian lain yang menyatakan tekanan kerja jururawat berpunca daripada beban kerja (McGrath et al. 1989; Weng 1991; Tyler dan Cushway 1992; Tsai 1993 dan Fox dan Dywer 1995), jadual giliran kerja (Bartol dan Folkard 1991; Jamal Muhammad dan Baba 1998 dan Kandolin 1992), dan sikap negatif masyarakat terhadap tugas jururawat (Enrenfeld 1991).

Pemilihan item berkaitan dengan hal-hal pesakit sebagai punca tekanan kerja yang utama bagi jururawat mungkin ada hubungannya dengan tugas utama yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Sejumlah 70 peratus daripada tugas jururawat berkaitan dengan pesakit iaitu 50 peratus daripada tanggungjawab tersebut adalah untuk merancang dan melaksanakan semua aspek perawatan manakala 20 peratus lagi

adalah menyelia dan memberi tunjuk ajar kepada kakitangan bawahan, pelatih kejururawatan, pesakit, dan keluarga. Justeru, tidak hairanlah mereka menyatakan hal-hal berkaitan dengan pesakit merupakan punca tekanan kerja yang utama.

Keputusan kajian tersebut juga boleh dihurai dari aspek kekurangan kakitangan di IPHKL. Data yang diperoleh daripada IPHKL menunjukkan bahawa institut tersebut kini memerlukan sejumlah 97 orang Penolong Jururawat Terlatih, 17 Jururawat Terlatih, dan 3 orang Ketua Jururawat untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan yang sedang mereka alami. Ketidakcukupan kakitangan jelas merupakan satu masalah kepada IPHKL dan menjasakan mutu perkhidmatan yang ditawarkan manakala jururawat yang sedia ada pula terpaksa melayani keperluan lebih ramai pesakit daripada yang sepatutnya.

Sikap jururawat yang berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit juga mungkin menjadi penyebab kepada pemilihan punca tekanan kerja jururawat seperti yang dilaporkan. Jelasnya, jururawat mengutamakan kesempurnaan rawatan pesakit dalam menjalankan tugas. Pesakit yang dipertanggungjawabkan ke atas kumpulan jururawat dalam kajian ini terdiri daripada golongan bayi dan kanak-kanak sehingga berusia 12 tahun. Oleh kerana melayani pesakit seperti ini lebih rumit dan memerlukan perhatian yang lebih tinggi maka jururawat merasa seperti bertanggungjawab untuk menjalankan tugas dengan sesempurna mungkin.

Usaha mulia kumpulan jururawat ini mungkin juga boleh dikaitkan dengan Piagam Pelanggan yang diamalkan oleh pengamal perubatan di IPHKL iaitu pelanggan

yang terdiri daripada pesakit bayi dan kanak-kanak serta ibu bapa mereka akan dilayan dengan baik, timbang rasa, hormat, bersopan santun, ikhlas, senyuman, dan profesional. Mereka juga akan memastikan yang persekitaran IPHKL bersih, sempuma, dan selamat. Kakitangan IPHKL juga berikrar untuk menjalankan tugas dengan cekap, dedikasi, bertanggungjawab, disiplin, komited, dan peka pada keadaan semasa.

Jelas difahami bahawa ketiga-tiga punca tekanan kerja yang dilaporkan oleh setiap kumpulan kerjaya adalah berbeza. Masing-masing tidak berkongsi walau satu pun punca tekanan kerja yang sama. Dengan kata lain, subjek hanya melaporkan punca tekanan kerja yang khusus berkenaan tanggungjawab masing-masing. Huraian ini membuktikan bahawa subjek bertidak balas dengan cara yang hampir sama ke atas punca tekanan kerja yang berbeza. Justeru, didapati tahap tekanan kerja yang mereka alami adalah sama.

Peramal tekanan kerja

Analisis regresi berganda stepwise telah menghasilkan tiga peramal tekanan kerja iaitu pembolehubah kemurungan, dimensi personaliti neurotisme, dan introversi. Keputusan ini selaras dengan kajian Fontana dan Abouserie (1992) dan Hart et al. (1995) tetapi bertentangan dengan kajian Bartol et al. (1992). Fontana dan Abouserie (1992) dan Hart et al. (1995) menemukan bahawa dimensi personaliti neurotisme dan introversi merupakan peramal tekanan kerja yang terbaik.

Fontana dan Abouserie (1992) membuat kesimpulan bahawa pembolehubah personaliti merupakan peramal tekanan kerja yang lebih berpengaruh berbanding pembolehubah demografi. Pendapat mereka meneguhkan hasil kajian Pierce dan Molloy (1990) yang menyatakan bahawa faktor latar belakang subjek tidak penting untuk meramal tekanan kerja, sebaliknya pembolehubah psikologi lebih berperanan. Keputusan pengkaji-pengkaji tersebut selari dengan dapatan kajian ini iaitu pembolehubah kerjaya tidak dapat meramal tekanan kerja. Pembolehubah kerjaya telah dikeluarkan daripada analisis regresi ini kerana ia tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dalam analisis korelasi zero order dengan markat tekanan kerja umum. Selain pembolehubah kerjaya, satu lagi pembolehubah yang tidak dapat meramal tekanan kerja adalah gagasan psikotisme.

Kemampuan pembolehubah kemurungan, dimensi personaliti neurotisme dan introversi untuk meramal keadaan tekanan kerja memang telah dijangkakan. Hal ini dapat dilihat daripada keselarian di antara ciri-ciri individu yang kemurungan atau yang berpersonaliti neurotisme atau introversi dengan ciri-ciri individu yang mengalami tekanan kerja seperti yang telah dijelaskan dengan terperinci dalam bahagian-bahagian terdahulu.

Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang implikasi keputusan kajian. Pengkaji telah membuat perbandingan di antara keputusan kajian ini dengan keputusan kajian-kajian

lain yang berkaitan sama ada yang dilakukan di luar negara mahu pun di dalam negara. Dalam membuat perbincangan tersebut, pengkaji telah mengambil kira faktor tabii sesuatu kerjaya, faktor personaliti atau sikap subjek, faktor sosiologi dan faktor persekitaran yang dilihat secara keseluruhan. Hal ini dilakukan kerana faktor-faktor sosiologi dan persekitaran mempunyai pengaruh ke atas jiwa dan tingkah laku manusia. Sungguhpun demikian, faktor psikologi iaitu dimensi personaliti dan kemurungan lebih penting dalam meramalkan tekanan kerja berbanding faktor sosiologi seperti kerjaya.